

PENAMBAHBAIKAN PELAKSANAAN KONSEP *ISTIBDAL* DALAM
PEMBANGUNAN HARTA WAKAF DI SELANGOR

MOHAMAD FADHLI BIN MOHAMED JAMIN

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian
syarat penganugerahan
Sarjana Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah)

Fakulti Alam Bina dan Ukur
Universiti Teknologi Malaysia

JANUARI 2020

DEDIKASI

Bismillahirrahmanirrahim

Ditujukan istimewa:

Kepada buat ibu dan ayah saya Puan Hajah Mahayum bint Tahar dan Tuan Haji Mohamed Jamin bin Awang Chek atas dorongan dan sokongan.

Kepada isteri Puan Syahrul Syahida binti Samsudin serta anak-anak tercinta yang sentiasa berkorban masa, memberi sokongan dan dorongan tidak berbelah bahagi sepanjang tempoh pengajian serta tempoh menyiapkan penulisan sarjana ini.

Kepada Penyelia Mejar Dr. Wan Ibrisam Fikry Bin Wan Ismail, atas bimbingan, nasihat dorongan serta sokongan yang diberikan.

Kepada Pensyarah-Pensyarah Fakulti Alam Bina Dan Ukur, atas sumbangan dan tunjuk ajar yang diberikan,

dan

Kepada semua pihak yang membantu dalam menjayakan kajian ini sama ada secara langsung atau tidak.

Terima kasih kerana sentiasa menyokong dan membantu di saat diperlukan.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Selawat serta salam buat junjungan besar Baginda Nabi Muhammad S.A.W. seterusnya buat Ahlul Bait, Para Sahabat. Alhamdulillah, saya merafakkan rasa syukur tidak terhingga atas nikmat kesihatan dan kekuatan yang diberikan Allah, maka dapat saya menyiapkan Projek Sarjana yang bertajuk “*Penambahbaikan Pelaksanaan Istibdal Wakaf Dalam Pembangunan Harta Wakaf Di Selangor*”.

Setinggi-tinggi penghargaan saya ingin rakamkan kepada penyelia saya yang telah memberikan maklumat, tunjuk ajar serta telah meluangkan masa dalam menyiapkan projek sarjana ini. Jasa dan pengorbanan tidak sekali akan dilupakan dan segala ilmu akan diaplikasikan dalam kehidupan seharian.

Penghargaan juga diberikan kepada kedua ibu dan bapa saya atas pengorbanan, kasih sayang yang dicurahkan selama ini memberi kekuatan kepada saya untuk menamatkan pengajian ini. Disamping itu, penghargaan juga saya tujukan khas buat rakan sepejuangan, sahabat handai, rakan taulan atas dorongan dan semangat yang diberikan oleh sepanjang pengajian sarjana dan juga semasa menyiapkan projek sarjana ini.

Tidak lupa juga penghargaan buat pihak pentadbiran negeri seperti Perbadanan Wakaf Selangor dan Majlis Agama Islam Selangor kerana memberi maklumat dan data-data bagi menyiapkan penulisan projek sarjana ini. Ucapan penghargaan khas saya tujukan khas buat barisan pengurusan tertinggi Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat atas sokongan dan bantuan yang diberikan sepanjang tempoh pengajian dan proses menyiapkan penulisan sarjana ini.

ABSTRAK

Pelbagai cabaran dihadapi dalam membangun dan memajukan institusi wakaf. Bagi memantapkan sistem pengurusan harta wakaf di Negeri Selangor ke atas pembangunan harta wakaf, maka Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) di tubuhkan sebagai satu badan yang akan mengembeling sumber-sumber wakaf yang boleh dijadikan sumber modal ekonomi bagi dimanfaatkan oleh semua umat Islam. PWS juga ditubuhkan bagi memastikan pengembelingan sumber wakaf selaras dengan pensyariatan wakaf. Matlamat kajian ini adalah bagi mengkaji peranan PWS dalam pembangunan wakaf melalui konsep *istibdal* wakaf di Selangor. Kajian ini bertujuan untuk mencapai dua objektif. Objektif pertama adalah untuk mengenalpasti kaedah pelaksanaan konsep *istibdal* wakaf di Negeri Selangor di bawah pentadbiran PWS. Objektif kedua adalah mengenalpasti isu dan masalah bagi cadangan penambahbaikan dalam pelaksanaan konsep *istibdal* wakaf di Negeri Selangor. Penemuan kajian yang diperolehi pula adalah cadangan penambahbaikan yang boleh diaplikasikan oleh PWS dalam menambahbaik perkhidmatan dan pengurusan harta wakaf di Negeri Selangor.

ABSTRACT

Various challenges are faced in developing waqf institution. To strengthen the system of management of waqf property in the State of Selangor, the Selangor Waqf Corporation (PWS) was established as a body that will nurture the resources of waqf which can be used as a source of economic capital for all Muslims. The PWS was also established to ensure the diversification of the source of the wakaf in accordance with the wakaf mediation. The aim of this study was to study the role of PWS in the development of wakaf through the concept of istibdal in Selangor. This study aims to achieve two objectives. The first objective was to identify the method of implementation of the concept of wakaf istibdal in the State of Selangor under the administration of PWS. The second objective is to identify issues and problems for the proposed improvement in the implementation of the concept of wakaf in Selangor. The findings of this study are the proposed improvements that PWS can apply in improving the services and management of wakaf property in the State of Selangor.

SENARAI KANDUNGAN

	TAJUK	MUKA SURAT
	PENGAKUAN	iii
	DEDIKASI	iv
	PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	SENARAI KANDUNGAN	viii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI SINGKATAN	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1	Pengenalan	1
	1.1 Latar Belakang Kajian	1
	1.2 Penyataan Masalah	4
	1.3 Matlamat Kajian	6
	1.4 Objektif Kajian	6
	1.5 Skop Kajian	7
	1.6 Kepentingan Kajian	7
	1.6.1 Majlis Agama Islam	8
	1.6.2 Perbadanan Wakaf Selangor	8
	1.6.3 Pihak Pemaju	8
	1.6.4 Ahli Akademik	9
	1.6.5 Masyarakat Awam	9
	1.7 Metodologi Kajian	9
	1.7.1 Peringkat Pertama: Kajian Awalan	11
	1.7.2 Peringkat Kedua: Kajian Literatur	12
	1.7.3 Peringkat Ketiga: Pengumpulan Data	12
	1.7.3.1 Data Primer	12

1.7.3.2	Data Sekunder	15
1.7.4	Peringkat Keempat: Analisis Data	15
1.7.5	Peringkat Kelima: Kesimpulan dan Cadangan	15
1.8	Susun Atur Bab	16
1.8.1	Bab 1 – Pendahuluan	16
1.8.2	Bab 2 – Kajian Literatur	16
1.8.3	Bab 3 – Kawasan Kajian	16
1.8.4	Bab 4 – Analisis Kajian	17
1.8.5	Bab 5 – Kesimpulan dan Cadangan	17
BAB 2	PELAKSANAAN WAKAF	19
2.1	Pengenalan	19
2.2	Definisi Wakaf	21
2.3	Pengurusan Harta Wakaf	22
2.3.1	Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)	22
2.3.2	Majlis Agama Islam Negeri	24
2.3.3	Yayasan Waqaf Malaysia (YWM)	24
2.4	Pensyariatan Amalan Wakaf	25
2.4.1	Pensyariatan Amalan Wakaf di Dalam Al-Quran	25
2.4.2	Pensyariatan Amalan Wakaf di Dalam Al-Hadith	26
2.5	Jenis-Jenis Wakaf	28
2.5.1	Wakaf Ahli (<i>Wakaf Zurri</i>)	29
2.5.2	Wakaf Kebajikan (<i>Wakaf Khairi</i>)	29
2.5.2.1	Wakaf Am (<i>Wakaf Mutlak</i>)	29
2.5.2.2	Wakaf Khas (<i>Wakaf Muqayyad</i>)	29
2.5.2.3	Wakaf <i>Musyarak</i>	30
2.5.2.4	Wakaf <i>Irsad</i>	30
2.6	Rukun Wakaf	30
2.6.1	Orang yang Memberikan Wakaf (<i>Wakif</i>)	31
2.6.2	Orang yang Menerima Wakaf (<i>Mauquf 'alaih</i>)	32
2.6.3	Barang atau Harta yang diwakafkan (<i>Mauquf</i>)	32

2.6.4	Pernyataan Wakaf (<i>Ijab dan Qabul</i>)	33
2.7	Syarat-Syarat Wakaf	33
2.8	Konsep <i>Istibdal</i>	35
2.8.1	Definisi <i>Istibdal</i>	35
2.8.2	Objektif <i>Istibdal</i>	37
2.8.3	Kaedah – Kaedah Pelaksanaan <i>Istibdal</i>	38
2.8.4	Syarat- Syarat <i>Istibdal</i> Harta wakaf	38
2.8.5	Pandangan Mazhab Feqah Mengenai <i>Istibdal</i>	39
2.8.5.1	Pandangan Mazhab Hanafi	40
2.8.5.2	Pandangan Mazhab Maliki	40
2.8.5.3	Pandangan Mazhab Syafie	41
2.8.5.4	Pandangan Mazhab Hambali	41
2.9	Pelaksanaan Proses <i>Istibdal</i> Di Negeri Selangor	42
2.9.1	Pengenalan	42
2.9.2	Keadaan Harta Wakaf yang di <i>Istibdal</i>	42
2.9.2.1	Harta wakaf Tidak Produktif	42
2.9.2.2	Harta wakaf Terlibat dengan Pengambilan Tanah	43
2.9.3	Prosedur Pelaksanaan Proses <i>Istibdal</i>	43
2.9.3.1	Harta wakaf Tidak Produktif	43
2.9.3.2	Harta wakaf Terlibat dengan Pengambilan Tanah.	47
2.10	Cabaran Dalam Membangunkan Harta Wakaf	48
2.10.1	Lokasi Kedudukan Tanah	48
2.10.2	Ciri-Ciri Fizikal	49
2.11	Rumusan	49
BAB 3	KAWASAN KAJIAN	51
3.1	Pengenalan	51
3.2	Latar Belakang Kawasan Kajian	51
3.3	Taburan Penduduk Negeri Selangor	53
3.4	Pengurusan Harta wakaf di Negeri Selangor	53
3.4.1	Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)	54

3.4.1.1	Objektif, Misi dan Visi MAIS	55
3.4.1.2	Struktur Organisasi MAIS	56
3.4.2	Perbadanan Wakaf Selangor (PWS)	57
3.4.2.1	Objektif, Misi dan Visi PWS	58
3.4.2.2	Fungsi PWS	59
3.4.2.3	Struktur Organisasi PWS	59
3.5	Jumlah Harta wakaf	60
3.6	Kajian Kes <i>Istibdal</i> Oleh PWS	62
3.7	Rumusan	64
BAB 4	ANALISIS DAN PENEMUAN KAJIAN	65
4.1	Pengenalan	65
4.2	Analisis Kajian	65
4.2.1	Latar Belakang Respondan	66
4.2.2	Kaedah Pelaksanaan Konsep <i>Istibdal</i> Wakaf Di Negeri Selangor di Bawah Pentadbiran PWS	67
4.2.3	Cabaran Pelaksanaan Proses <i>Istibdal</i> yang Dilaksanakan Oleh PWS	67
4.2.3.1	Pendaftaran Harta Wakaf dan Rekod	68
4.2.3.2	Proses Kelulusan yang Rumit dan Lambat	68
4.2.3.3	Tahap Kesedaran dan Pengetahuan	69
4.3	Rumusan	69
BAB 5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	71
5.1	Pengenalan	71
5.2	Penemuan Kajian	71
5.2.1	Pencapaian Objektif Pertama: Mengenalpasti Kaedah Pelaksanaan Konsep <i>Istibdal</i> Wakaf di Negeri Selangor di Bawah Pentadbiran PWS	71
5.2.2	Pencapaian Objektif Kedua: Mengenalpasti Isu dan Masalah bagi Cadangan Penambahbaikan dalam Pelaksanaan Konsep <i>Istibdal</i> Wakaf	72
5.3	Cadangan Kajian	72
5.3.1	Isu Pendaftaran Harta wakaf dan Rekod	72

5.3.2	Isu Fizikal Tanah	73
5.3.3	Isu Kelulusan yang Rumit dan Lambat	73
5.3.4	Isu Tahap Kesedaran dan Pengetahuan	74
5.4	Limitasi Kajian	74
5.5	Kajian Lanjutan	75
5.6	Kesimpulan	75
RUJUKAN		77

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 1.1	Senarai Responden Kajian	13
Jadual 1.2	Perincian Borang Temu Bual	14
Jadual 2.1	Statistik Harta Wakaf sehingga November 2014	23
Jadual 3.1	Taburan Penduduk Negeri Selangor mengikut Daerah	53
Jadual 3.2	Jumlah Harta Wakaf Berdaftar dengan PWS	61
Jadual 3.3	Butiran Harta Wakaf GM1367 Lot 2330	62
Jadual 4.1	Pengalaman Responden Pelaksanaan Proses <i>Istibdal</i> Wakaf	66

SENARAI RAJAH

NO.RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 1.1	Carta Alir Proses	11
Rajah 2.1	Keluasan Harta Wakaf Mengikut Negeri	20
Rajah 2.2	Jenis-jenis Wakaf	28
Rajah 2.3	Rukun-rukun Wakaf	31
Rajah 2.4	Syarat-Syarat Wakaf	34
Rajah 2.5	Proses Pelaksanaan <i>Istibdal</i> bagi Harta Wakaf Tidak Produktif	46
Rajah 3.1	Peta Negeri Selangor	52
Rajah 3.2	Susun Atur Turutan Punca Kuasa	54
Rajah 3.3	Struktur Organisasi MAIS	57
Rajah 3.4	Carta Organisasi PWS	60
Rajah 3.5	Pelan Satelit Harta Wakaf GM1367 Lot 2330	63
Rajah 3.6	Gambar Lokasi Harta Wakaf	64

SENARAI SINGKATAN

EWS	-	Enakmen Wakaf Selangor
JPPH	-	Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
MAIN	-	Majlis Agama Islam Negeri
MAIS	-	Majlis Agama Islam Selangor
PWS	-	Perbadanan Wakaf Selangor
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
Lampiran 1	Borang Soalan Temu bual	81

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Malaysia sebagai negara yang membangun mengalami kadar pertumbuhan penduduk yang tinggi. Statistik Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan pada tahun 2019, jumlah keseluruhan penduduk Malaysia adalah 32.6 juta orang dan berdasarkan kadar pertumbuhan penduduk tahunan purata 1.8% setahun, penduduk negara akan berjumlah 33 juta pada tahun 2020. Antara faktor yang mendorong kepada pertambahan penduduk adalah kemajuan teknologi perubatan dan mendorong kepada mewujudkan kemudahan kesihatan yang baik. Pertambahan penduduk ini secara tidak langsung akan memerlukan guna harta yang tinggi bagi menyediakan keperluan kediaman dan kemudahan asas bagi penduduk negara.

Lanjutan itu, Negeri Selangor sebagai salah satu negeri maju di negara turut terkesan dengan perkara ini. Pembangunan yang pesat di Negeri Selangor menjadikan nilai harta semakin meningkat saban tahun. Selain daripada pertambahan jumlah penduduk akibat kadar kelahiran yang tinggi dan kadar kematian yang rendah, peningkatan ini turut didorong oleh beberapa faktor lain seperti migrasi penduduk luar bandar ke bandar ekoran peluang kerja yang lebih baik di bandar, kemudahan asas seperti jalan raya dan sistem pengangkutan yang semakin berkualiti memudahkan akses ke bandar serta beberapa faktor-faktor lain. Ini secara tidak langsung memerlukan guna tanah yang lebih efisien bagi membangunkan perumahan dan kediaman serta perindustrian bagi peluang pekerjaan kepada rakyat.

Sehubungan itu, hartanah dilihat sebagai aset utama dan bernilai berikutan permintaan yang tinggi akibat peningkatan terhadap pembangunan tanah manakala penawaran tanah bagi pembangunan pula adalah terhad dan semakin berkurangan. Ini lebih lagi ketara jika dibuat perbandingan di antara tanah di bandar dan tanah di luar

bandar. Justeru itu, pembangunan terhadap hartanah wakaf adalah merupakan alternatif berikutan jumlah hartanah yang diwakafkan (*mawquf*) adalah banyak dan boleh dibangunkan dengan lebih efisien jika berada di kawasan yang strategik.

Amalan berwakaf merupakan amalan turun temurun yang telah diwarisi sejak ribuan tahun dahulu. Wakaf pertama dalam konteks agama Islam, Rasulullah ﷺ telah dilakukan sendiri dengan mewakafkan Masjid Quba' semasa peristiwa penghijrahan baginda nabi dari Mekah ke Madinah. Semenjak daripada itu, amalan wakaf telah menjadi satu budaya di kalangan sahabat Rasulullah sehingga Jabir ra pernah berkata:

“Tidak ada seorang pun di kalangan sahabat yang berkemampuan tetapi tidak mewakafkan hartanya”.

(Riwayat Bukhari)

Amalan para sahabat ini memberi panduan kepada umat Islam bagaimana para sahabat memahami dan mengamalkan ajaran Islam dengan melaksanakan tuntutan agama secara ikhlas demi mencapai keredhaan Allah semata-mata. Selain para sahabat nabi, hartawan-hartawan dan pemerintah muslimin di abad-abad terdahulu dan zaman pertengahan Islam telah menjadikan amalan berwakaf ini sebagai tradisi dan dilakukan secara meluas khususnya di negara-negara Islam. Para sahabat dan hartawan Islam ketika itu berlumba-lumba untuk melaksanakan tuntutan berwakaf bagi merebut ganjaran yang di janjikan Allah kepada para peninfaq harta dan menyedari bahawa harta adalah merupakan amanah dan anugerah Allah yang mesti dipelihara dengan sebaik-baiknya. Allah SWT menjanjikan ganjaran yang besar bagi mereka yang sanggup membelanjakan harta benda ke jalan-Nya. Allah SWT berfirman yang maksudnya:

“Bandingan (pahala) orang-orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah seumpama sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai dan tiap-tiap tangkai itu pula terdapat seratus biji. Dan ingatlah Allah akan melipatgandakan pahala bagi

sesiapa yang dikehendakiNya dan Allah Maha Luas (KurniaNya) lagi Maha Mengetahui”.

(Surah Al-Baqarah Ayat 261)

Selain dari merebut ganjaran pahala yang dijanjikan oleh Allah, para pemimpin Islam telah membuktikan bahawa amalan berwakaf penting dalam membantu kerajaan ke arah sebuah negara Islam yang berjaya dengan memperkasakan ekonomi dan taraf hidup umat Islam. Semasa zaman pemerintahan Uthmaniah, wakaf telah berperanan sebagai pelengkap kepada agenda pembangunan oleh kerajaan Uthmaniah dimana dana wakaf yang dikumpul telah membiayai pembangunan infrastruktur seperti tempat-tempat pendidikan, ibadah, kemudahan awam dan kesihatan.

Selain wakaf dikalangan Islam, aktiviti seumpama amalan berwakaf ini juga telah wujud sejak ribuan tahun lamanya dimana masyarakat pada ketika itu menyerahkan harta kepunyaan mereka bagi tujuan pembinaan rumah ibadat serta pelbagai tujuan bagi kegunaan masyarakat setempat pada ketika itu. Bagi masyarakat Islam di Malaysia amalan wakaf telah diamalkan dan turut menjadi sebahagian dari budaya masyarakat Melayu. Di negeri-negeri utara dan Pantai Timur banyak sekolah agama dan pondok tahfiz yang dibina melalui sumber wakaf dan kebanyakan masjid dan surau di kampung-kampung pada masa dahulu adalah dibina di atas harta yang diwakaf oleh individu. Sebelum tahun 1950-an kebanyakan harta wakaf adalah untuk tujuan pembangunan institusi keagamaan seperti pembinaan masjid, surau, tanah perkuburan, madrasah dan sekolah agama. Hal-ehwal pengurusan harta wakaf pada ketika itu ditadbir oleh pemimpin masyarakat dan cerdik pandai Islam seperti imam, ketua kampung, ustaz dan ulama'.

Selain tujuan keagamaan, hartanah wakaf juga boleh dimanfaatkan bagi menambahnilai serta menjana ekonomi umat Islam seperti diusahakan untuk kegiatan penternakan, pertanian, dibangunkan pejabat serta perindustrian untuk sewaan dan pelbagai lagi kegunaan. Namun ianya tertakluk kepada jenis wakaf tersebut samada wakaf umum atau wakaf khusus. Secara umumnya, harta wakaf hendaklah diurus dan dibangunkan agar manfaat harta berkenaan dapat di kongsikan kepada umat Islam.

1.2 Penyataan Masalah

Di Malaysia, berdasarkan statistik yang dikeluarkan JAWHAR pada tahun 2012, harta wakaf yang masih terbiar dan tergendala untuk dimajukan di seluruh Malaysia dianggarkan berjumlah 11,091.82 hektar yang terdiri 4,836.5 hektar harta wakaf kategori am dan 6,255.32 hektar adalah harta wakaf kategori khas serta dianggarkan bernilai RM1.17 billion (Harian Metro, 28.06.2016). Menurut Mohamad Sabri (2014), daripada jumlah keseluruhan 11,091.82 hektar, hanya 7.2% sahaja harta wakaf di negara telah dibangunkan berdasarkan kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Datuk Jamil Khir Baharom.

Seperti juga institusi Islam iaitu Zakat, Baitul Mal dan lain-lain, institusi wakaf masih tidak lagi berjaya dilaksanakan sepenuhnya bagi membawa umat Islam ke ambang pembangunan yang sepatutnya. Perkara ini berlaku berikutan terdapat segelintir masyarakat Islam pada hari ini yang masih berpegang kepada pemahaman tradisonal dan yang melihat amalan berwakaf ini dari skop yang sempit. Pelbagai cadangan dan saranan sama ada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa telah dikemukakan, tetapi wakaf masih tidak dapat diterjemahkan mengikut acuan dan persepsinya yang sebenar sebagai pemacu kemajuan umat Islam (Afandi, 2015).

Sehubungan itu, keperluan mewujudkan agensi yang bertanggungjawab menyelia dan membangunkan harta wakaf adalah menjadi keutamaan pihak kerajaan pusat dan kerajaan negeri. Justeru itu, di peringkat kerajaan pusat, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) ditubuhkan pada 27 Mac 2004 dan diberi peranan untuk mentadbir harta wakaf di seluruh negara. Selain itu, penubuhan JAWHAR juga adalah bertujuan untuk memastikan bahawa pentadbiran harta wakaf, zakat dan urusan haji di seluruh negara lebih tersusun, sistematik dan berkesan. Ia juga bermaksud untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan ke tahap yang lebih cemerlang (JAWHAR, 2010).

Selain itu, di bawah Akta Pemegang Amanah [Pemerbadanan] 1952, JAWHAR telah menubuhkan satu agensi wakaf kebangsaan bagi memastikan pembangunan dan pengurusan hartanah wakaf lebih tersusun, terancang dan diberi

tumpuan penuh. Ditubuhkan dengan rasminya pada 23 Julai 2008, Yayasan Waqaf Malaysia diwujudkan dengan objektif utama adalah untuk membangunkan harta wakaf melalui jalinan kerjasama dengan MAIN selaku pemegang amanah tunggal wakaf serta menjana modal melalui kaedah-kaedah terkini dan inovatif bagi memaksimumkan manfaat wakaf (<https://ywm.gov.my/>).

Diperingkat kerajaan Negeri Selangor, bertindak sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf, Majlis Agama Islam Selangor adalah agensi yang dipertanggungjawabkan bagi mentadbir dan menguruskan harta wakaf. Melalui pindaan kepada Enakmen Wakaf Selangor, MAIS telah menubuhkan sebuah agensi bagi menguruskan pembangunan harta wakaf dan susulan itu, Perbadanan Wakaf Selangor telah ditubuhkan pada tahun 2012.

Bagi kajian ini, permasalahan utama adalah menjurus kepada mengkaji penambahbaikan kepada pelaksanaan kaedah *istibdal* wakaf di dalam pembangunan harta wakaf khususnya harta wakaf kategori wakaf am di Selangor. Menurut Megat Mohd. Ghazali et al. (2006), pelaksanaan kaedah *istibdal* harta wakaf merupakan kaedah kontemporari yang dilihat mampu mengatasi halangan kepada pembangunan harta wakaf. Di antara halangan dan cabaran kepada pembangunan harta wakaf adalah keluasan yang diwakafkan adalah kecil dan tidak ekonomik untuk dibangunkan.

Selain itu, kedudukan harta tersebut yang tidak strategik dan berselerak juga antara halangan kepada pembangunan harta wakaf (Mohamad Zaim, 2015). Keluasan harta dan kedudukan harta wakaf yang strategik adalah perkara utama yang perlu diambil penekanan sekiranya harta wakaf ingin dimajukan bagi tujuan projek pembangunan, pertanian atau penempatan. Perkara ini timbul berikutan kos bagi membangunkan sesuatu projek adalah tinggi dan kos yang perlu ditanggung di pihak MAIN adalah besar. Kesukaran timbul adalah pembangunan di skala yang kecil tidak memberi pulangan yang menguntungkan.

Kedudukan lokasi harta wakaf yang berjauhan dari kawasan bandar juga memberi kesukaran kepada pihak MAIN untuk melaksanakan pembangunan. Tanah harta ini akan dikategorikan tidak produktif, tidak berpotensi dan tidak berdaya maju

untuk dibangunkan dalam tempoh yang terdekat. Akibatnya harta berkenaan terbiar begitu sahaja tanpa dapat mendatangkan pulangan kepada MAIN dan manfaat kepada umat Islam seluruhnya (Afandi, 2015). Tanah harta wakaf di kawasan pedalaman juga mengalami situasi yang sama kerana tidak dapat digunakan dengan praktikal. Kerap kali isu timbul adalah berikutan keperluan untuk dibangunkan seperti yang ditetapkan oleh *waqif* tidak boleh ditunaikan. Terdapat juga harta wakaf yang terletak dalam kawasan pembangunan yang aktif, tetapi tidak dapat dibangunkan kerana adanya kekangan syarat (Megat Mohd. Ghazali et. al, 2006).

1.3 Matlamat Kajian

Kajian ini dilaksanakan dengan matlamat untuk mencadangkan penambahbaikan kepada pelaksanaan konsep *istibdal* wakaf oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) dalam usahanya untuk mentadbir dan membangunkan tanah harta wakaf di Negeri Selangor dengan lebih efisien dan berkesan. Sehubungan itu, beberapa sampel harta wakaf yang berjaya dibangunkan melalui konsep ini akan diteliti bagi mengenalpasti faktor-faktor yang membawa kepada kejayaan dan kegagalan pembangunan harta wakaf di bawah pentadbiran MAIS dan Perbadanan Wakaf Selangor. Faktor-faktor kejayaan dan kegagalan pembangunan harta wakaf ini akan membantu bagi mengemukakan cadangan-cadangan penambahbaikan yang sesuai pada akhir kajian ini.

1.4 Objektif Kajian

Ke arah mencapai matlamat kajian yang telah digariskan, kajian ini dijalankan dengan objektif seperti berikut:

- i. Menenalpasti kaedah pelaksanaan konsep *istibdal* wakaf di Negeri Selangor di bawah pentadbiran PWS; dan

- ii. Mengenalpasti isu dan masalah bagi cadangan penambahbaikan dalam pelaksanaan konsep *istibdal* wakaf di Negeri Selangor.

1.5 Skop Kajian

Dalam usaha untuk menyediakan kajian ini, beberapa kajian-kajian lepas berkaitan dengan pembangunan harta wakaf melalui konsep *istibdal* wakaf akan dijadikan rujukan untuk menghasilkan satu kajian yang bersifat memberi kepentingan kepada semua pihak.

Hasil semakan pengkaji mendapati kajian terhadap pelaksanaan *istibdal* wakaf di Malaysia telah dilaksanakan di beberapa negeri. Kajian pelaksanaan *Istibdal* di Negeri Kedah telah dijalankan oleh Afiffudin dan Ridzuan (2013), kajian pelaksanaan di Negeri Perak oleh Ashlah dan Adnin (2018) dan kajian pelaksanaan di Negeri Kelantan oleh Afiffudin dan Che Zuina (2016). Justeru itu, pengkaji memilih Negeri Selangor sebagai kawasan skop kajian memandangkan terdapat ruang untuk kajian lanjutan diadakan. Pelaksanaan *istibdal* wakaf oleh Perbadanan Wakaf Selangor yang tertubuh di bawah Enakmen Wakaf Selangor sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam membangunkan harta wakaf di Selangor akan dikaji bagi melihat ruang penambahbaikan yang ada terhadap pelaksanaan pembangunan harta wakaf menggunakan konsep *istibdal* wakaf.

1.6 Kepentingan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor yang menjadi penentu kepada kejayaan serta kegagalan pembangunan harta wakaf berkonsepkan *istibdal* wakaf di Negeri Selangor supaya tindakan penyelesaian dapat diambil bagi mengatasi masalah lambakan harta wakaf terutama harta wakaf am yang tidak dibangunkan.

Justeru itu, hasil kajian ini diharapkan boleh menjadi panduan kepada pelbagai pihak yang berkepentingan terutama pihak yang terlibat dalam membangunkan dan menguruskan harta wakaf untuk mengambil langkah yang sepatutnya agar pembangunan harta wakaf dilaksanakan dengan lebih teratur dan lancar demi kemaslahatan rakyat Negeri Selangor. Berikut merupakan kepentingan kajian ini dilaksanakan kepada pihak-pihak berkepentingan:

1.6.1 Majlis Agama Islam

Sebagai agensi yang dilantik sebagai pemegang amanah kepada harta wakaf dan menguruskan harta wakaf di Selangor, kepentingan kajian ini adalah untuk membantu pihak MAIS mengambil tindakan yang wajar setelah perkara yang menjadi isu kepada pembangunan *istibdal* wakaf dikenalpasti.

1.6.2 Perbadanan Wakaf Selangor

Peranan Perbadanan Wakaf Selangor di dalam membangunkan harta wakaf telah dinyatakan didalam objektif penubuhan PWS. Justeru itu, kepentingan kajian ini kepada PWS adalah untuk menambahbaik kepada prosedur pelaksanaan kaedah *istibdal* wakaf yang dilaksanakan.

1.6.3 Pihak Pemaju

Pihak pemaju mempunyai kepakaran dalam membangunkan projek. Sehubungan itu, kepentingan kajian ini kepada pihak pemaju adalah bagi memberi kefahaman kepada pihak pemaju mengenai situasi, dasar harta wakaf dan hukum hakam yang berkaitan harta wakaf agar membolehkan pemaju bekerjasama dengan MAIS dan PWS dengan menyalurkan kepakaran dalam bidang pembangunan serta cetusan idea bagi menjayakan pembangunan yang seimbang di antara harta wakaf dengan hartanah yang terlibat dengan pembangunan.

1.6.4 Ahli Akademik

Kepentingan kajian ini kepada para ahli akademik adalah kerana ianya boleh dijadikan sebagai bahan rujukan di dalam menjalankan penyelidikan yang lebih komprehensif bagi penyediaan dasar pembelajaran berkaitan pembangunan harta wakaf. Selain itu, kajian ini juga boleh dijadikan rujukan kepada pengkaji masa hadapan didalam membuat penambahbaikan kepada kajian terdahulu dengan memasukkan elemen baru sesuai dengan keperluan dan peredaran masa.

1.6.5 Masyarakat Awam

Kepentingan kajian ini kepada masyarakat awam adalah memberi pemahaman berkaitan dengan *istibdal* harta wakaf agar tidak berlaku kekeliruan dan salah faham terhadap agensi yang bertanggungjawab berkaitan pengurusan dan pembangunan harta wakaf. Selain itu, kajian ini diharapkan dapat menimbulkan keyakinan kepada masyarakat Islam berkenaan potensi pembangunan harta wakaf dan secara tidak langsung merangsang masyarakat Islam untuk terlibat dalam amalan berwakaf.

1.7 Metodologi Kajian

Dalam sesebuah kajian atau penyelidikan yang dijalankan, ianya akan memerlukan kaedah atau metod dalam mendapatkan data dan maklumat kajian. Data yang mencukupi akan memberi kesan kepada kajian yang dijalankan sama ada baik atau tidak. Bagi penyelidik yang ingin memastikan setiap hasil mereka adalah tepat, maka beberapa perkara perlu diikuti agar kajian tidak tersasar dan teknik penyelidikan juga perlu sesuai dengan keadaan kajian yang dijalankan sama ada kaedah kualitatif atau kuantitatif.

Metodologi adalah kaedah atau cara yang sistematik untuk menyelesaikan permasalahan kajian yang dikaji. Metodologi merupakan prosedur sistematik menggabungkan penyesuaian pendekatan kajian dan analisis data yang sealiran dengan peraturan tersendiri bagi memastikan prestasi kajian penyelidikan dapat

dicapai dengan baik dan sempurna. Di dalam kajian ini, lima peringkat kajian akan diaplikasikan dan dilaksanakan dalam usaha mencapai matlamat dan objektif kajian (Chua, 2011).

Kajian ini dilakukan secara menggunakan kaedah kualitatif yang mana disokong oleh maklumat sah melalui pengumpulan data yang dilakukan secara terus kepada individu-individu yang terlibat secara langsung dan rujukan kepada dokumentasi-dokumentasi berkaitan pembangunan harta wakaf. Menurut Chua (2011), kajian berbentuk kualitatif merupakan data yang dikumpulkan dan diperoleh secara temu bual dalam meningkatkan kefahaman, menghuraikan kenyataan serta menggunakan kajian kes dalam reka bentuk kajian.

Selain dari itu, Chua (2011) juga menyatakan bahawa kajian kualitatif ini bukanlah berdasarkan nombor, angka atau kuantiti tetapi ia merupakan kajian berbentuk penghuraian berbentuk penghuraian deskriptif, nota pandangan, catatan perbualan dan transkrip.

Secara keseluruhannya, kajian ini melibatkan lima peringkat utama seperti di Rajah 1.1.



Rajah 1.1 Carta Alir Proses
(Sumber: Olahan Pengkaji)

1.7.1 Peringkat Pertama: Kajian Awalan

Peringkat ini merupakan peringkat pemilihan tajuk kajian dan pemahaman awal mengenai skop kajian. Perbincangan dilaksanakan oleh penulis dan penyelia projek bagi mendapatkan penyelarasan rasional kajian. Pada peringkat ini, penentuan beberapa perkara berkaitan dengan kajian yang akan dijalankan seperti menentukan pernyataan masalah, matlamat, objektif dan skop kepentingan kajian serta menentukan pendekatan untuk kajian. Di akhir peringkat ini, pengkaji akan mendapat gambaran keseluruhan kajian yang akan dijalankan dan seterusnya menjadi panduan kepada pengkaji.

Pada peringkat ini juga, bagi mendapatkan gambaran lebih jelas, lawatan tapak ke beberapa lokasi harta wakaf yang telah dibangunkan serta harta wakaf yang

berpotensi untuk dibangunkan tetapi masih belum dibangunkan atas sebab-sebab tertentu juga dijalankan. Seterusnya lawatan ke MAIS dan PWS juga diadakan bagi mendapatkan senarai pihak yang berkepentingan melalui pemerhatian kepada struktur organisasi jabatan.

1.7.2 Peringkat Kedua: Kajian Literatur

Pada peringkat ini, pengkaji akan menumpukan kepada aspek pembacaan bagi mendapatkan maklumat-maklumat seperti konsep dan amalan berwakaf serta pelaksanaan konsep *istibdal* di Malaysia secara am dan Selangor secara khususnya. Pembacaan juga dijalankan dengan merujuk kepada bahan-bahan daripada kajian-kajian terdahulu, media massa, keratan akhbar dan rujukan daripada laman sesawang yang berkaitan dengan kajian yang dilaksanakan.

1.7.3 Peringkat Ketiga: Pengumpulan Data

Peringkat ini merupakan peringkat pengumpulan data dan maklumat yang berkaitan dengan kajian yang akan dijalankan. Dua bentuk data yang akan dikumpulkan di peringkat ini iaitu data primer dan data sekunder.

1.7.3.1 Data Primer

Data primer merupakan sumber data utama yang diperlukan dalam kajian ini di mana data-data ini diperolehi dengan melakukan kajian di lapangan melalui pemerhatian dan temu bual dengan pegawai dan kakitangan yang menguruskan urusan berkaitan serta berkepentingan dalam kajian. Pendekatan menurut Chua (2011), temu bual merupakan satu perbualan antara dua pihak iaitu penemu bual dan responden bagi tujuan mendapatkan data yang diperlukan.

i. Pemilihan Responden Kajian

Pemilihan sampel kajian melibatkan proses memilih bilangan subjek daripada sesuatu populasi bagi dijadikan responden kajian (Chua, 2011). Sehubungan itu, responden kajian dipilih berdasarkan kepakaran responden dan tanggungjawab yang diamanahkan di dalam pengurusan wakaf. Oleh sebab itu, pemilihan responden bagi kajian ini adalah merupakan individu yang telah terlibat dengan pembangunan harta wakaf secara langsung. Responden tersebut adalah terdiri daripada pegawai Perbadanan Wakaf Selangor dan Majlis Agama Islam Selangor seperti senarai di dalam Jadual 1.1 berikut:

Jadual 1.1 Senarai Responden Kajian

Bil	No Responden	Jawatan	Agensi / Jabatan
1	R1	Eksekutif Bahagian Dakwah	Majlis Agama Islam Selangor
2	R2	Eksekutif Perancang Tanah	Perbadanan Wakaf Selangor
3	R3	Eksekutif Pentadbiran	Perbadanan Wakaf Selangor
4	R4	Eksekutif Pembangunan dan Sewaan	Perbadanan Wakaf Selangor
5	R5	Eksekutif Daftar Tanah	Perbadanan Wakaf Selangor
6	R6	Eksekutif Pemasaran Daerah	Perbadanan Wakaf Selangor

(Sumber: PWS, 2019)

ii. Kaedah Temu Bual

Salah satu kaedah bagi mendapatkan maklumat adalah melalui temu bual yang diadakan pengkaji dan responden kajian. Ia merupakan satu instrumen yang bertujuan bagi mendapatkan maklumat selaras dengan objektif kajian yang dijalankan. Temu

bual dilakukan secara lisan dan jawapan direkod secara bertulis atau melalui rakaman kaset, video dan media elektronik yang lain (Chua, 2011).

Temu bual yang dijalankan perlu bersifat reflektif dan dapat menggambarkan keadaan sebenar mengenai sesuatu situasi. Terdapat tiga jenis temu bual iaitu temu bual berstruktur, temu bual semi struktur dan temu bual tidak berstruktur (Chua, 2011). Temu bual yang digunakan didalam kajian ini adalah bersifat semi struktur di mana pengkaji menyoal soalan formal yang telah dirangka tetapi pada masa sama pengkaji juga diberi kebebasan untuk menyoal lebih mendalam tentang jawapan responden yang telah ditanya secara formal (Chua, 2011).

Pada peringkat ini, soalan temu bual yang disediakan adalah berbentuk temu bual semi-struktur yang dijalankan secara separa formal dan temu bual dilaksanakan secara bersemuka terus dengan responden dan soalan-soalan temu bual yang disusun menggunakan ayat-ayat dan persoalan yang lebih fleksibel supaya penjelasan dapat diperolehi daripada responden mengikut keperluan.

iii. Borang Temu Bual

Borang temu bual kepada responden ini dibahagikan kepada tiga bahagian yang mengandungi 10 soalan secara keseluruhan dengan perincian seperti berikut:

Jadual 1.2 Perincian Borang Temu Bual

Bahagian	Keterangan	Bil. Soalan
A	Bahagian ini merupakan bahagian yang memfokuskan kepada perkara berkaitan demografi iaitu latar belakang responden yang terdiri daripada jawatan, jabatan atau agensi responden berkhidmat, pengalaman dalam pentadbiran dan pengurusan harta wakaf	3
B	Bahagian ini memfokuskan kepada pengetahuan am responden mengenai pentadbiran dan pengurusan harta wakaf, <i>istibdal</i> wakaf serta kaedah perlaksanaan	3

C	Bahagian ini akan memfokuskan cadangan penambahbaikan pelaksanaan <i>istibdal</i> wakaf	2
---	---	---

(Sumber: Olahan Pengkaji)

1.7.3.2 Data Sekunder

Data sekunder merupakan data atau maklumat yang diperolehi samada daripada pembacaan, catatan atau semakan dan penelitian terhadap kajian-kajian ilmiah dan sebagainya. Selain itu, maklumat juga diperolehi melalui kertas seminar, jurnal dan keratan akhbar sama ada berbentuk rekod bertulis atau rekod alam maya (internet).

1.7.4 Peringkat Keempat: Analisis Data

Hasil dapatan daripada temu bual dan borang kaji selidik yang dijalankan akan diteliti serta dianalisis mengikut aturan soalan bagi mendapatkan pemahaman responden mengenai objektif kajian. Didalam kajian ini, analisis kualitatif akan digunakan dan melalui kaedah ini dapatan kajian akan dipertimbangkan dan diambil sebagai pemberat di dalam membentuk asas kepada penambahbaikan proses yang dicadangkan.

1.7.5 Peringkat Kelima: Kesimpulan dan Cadangan

Pada peringkat kelima ini, berdasarkan dapatan hasil kajian, pengkaji akan mencadangkan penambahbaikan yang boleh diambil oleh agensi yang terlibat dalam kajian ini serta kesimpulan kajian akan dirumuskan bagi rujukan pengkaji masa hadapan.

1.8 Susun Atur Bab

Didalam penulisan kajian ini, penulis akan membahagikan kepada lima bab yang disusun secara sistematik. Pembahagian bab-bab ini akan disusun mengikut keutamaan dan peringkat yang dilakukan didalam kajian ini bagi membolehkan kajian mudah difahami. Lima bab ini adalah peringkat awalan kajian, hasil analisa kajian dan kesimpulan.

1.8.1 Bab 1 – Pendahuluan

Bab 1 akan menerangkan dan menjelaskan aspek-aspek seperti pengenalan kajian, pernyataan masalah, matlamat, objektif, skop kajian serta kepentingan kajian kepada pihak-pihak berkepentingan. Selain itu, bab ini juga membincangkan metodologi kajian yang diaplikasikan bagi mencapai matlamat dan objektif yang ditetapkan.

1.8.2 Bab 2 – Kajian Literatur

Bab 2 ini akan mendefinisikan dan menjelaskan beberapa perkara mengenai wakaf. Pada bab ini, pengenalan berkaitan wakaf serta hukum-hakam mengenai ibadah wakaf akan diterangkan secara terperinci bagi membolehkan pemahaman lebih jelas diperolehi. Selain itu, peranan agensi didalam mentadbir dan mengurus juga diterangkan. Konsep *istibdal* yang akan dijadikan asas kepada kajian ini turut diterangkan di dalam bab ini. Kajian mendalam akan dijalankan melalui pembacaan jurnal, artikel, laporan dan pencarian maklumat diatas talian. Penerangan tersebut berperanan sebagai asas ke arah mencapai objektif kajian.

1.8.3 Bab 3 – Kawasan Kajian

Dalam bab 3 ini, kajian dan soal selidik serta temu bual diadakan dengan individu yang terlibat secara langsung dan berkepentingan dalam menguruskan pembangunan harta wakaf dilaksanakan. Lawatan ke MAIS dan PWS akan diadakan

RUJUKAN

- Abdul Ghafar Don, Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Ahmad Irdha Mokhtar, Badlihisam Mohd.Nasir, Wakaf Sebagai Mekanisme Pembangunan Dakwah, Dakwah Dalam Pelbagai Dimensi, Penerbit Jabatan Pengajian Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam UKM 2017, 97
- Afiffudin Mohamed Noor dan Mohd Ridzuan Awang (2013). Pelaksanaan *Istibdal* Wakaf di Negeri Kedah Darul Aman. *Islamiyyat* 35(1), 49-56.
- Afiffudin Mohammed Noor and Che Zuina Ismail, "Impak Pembangunan Tanah Wakaf Menerusi Kaedah Istibdal Terhadap Penjanaan Hasil Wakaf Di Negeri Kelantan," in *Prosiding Muktamar Waqf Iqlimi III 2016 (IQLIMI2016)*, 2016.
- Ahmad Ibrahim (1998). Undang-Undang Keluarga dan Harta Wakaf, Al-Ahkam, cet.1. Vol.6 Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Zaki Abdul Latiff, Baharuddin Sayin, Mohd Afandi Mat Rani & Muhammad Hamizan Ab Hamid. (2014). Wakaf Pengajian Tinggi: Konsep dan Kelestarian di Malaysia. Prosiding Penyelidikan Geran Kementerian Pendidikan Malaysia LRGS/2013/UKM-UKM/SI.
- Ahmad, S., & Muhamed, N. D. (2011). Institusi Wakaf dan Pembangunan Ekonomi Negara : Kes Pembangunan Harta wakaf di Malaysia. Dalam Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VI (PERKEM VI) (Vol. 1, ms. 138–147).
- Ahmad, S., & Muhamed, N. D. (2011). Institusi Wakaf dan Pembangunan Ekonomi Negara : Kes Pembangunan Harta wakaf di Malaysia. Dalam Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VI (PERKEM VI) (Vol. 1, ms. 138–147).
- Ashlah Ibrahim, Adnin Ibrahim (2018). Pelaksanaan *Istibdal* dan Pembangunan Harta wakaf di Perak. *Asian People Journal* Volume 1 2018. ISSN2600-8971.
- Asmak Ab Rahman. (2009). Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam Dan Implikasinya Di Malaysia. *Shariah Journal*, 17(1), 113–152.
- Chua, Y.P (2011). Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan (2nd Edition). Malaysia, Mc Graw-Hill Education.
- Harun, R., Mohamed Isa, Z., Ali, N. (2012) Preliminary Finding on Waqf Management Practices among selected Muslim Countries, Proceedings of 2012 International

- Conference on Economics Marketing and Mangement IPEDR Vol 28. LACSIT Press, Singapore.
- Hisham Yaacob (2013). Waqf History and Legislation in Malaysia : a Contemporary Perspective, *J. Islam. Hum. Adv. Res.*, vol. 3, no. 6, pp. 387–402, 2013
- Hydzulkifli Hashim Omar, Azizi Abu Bakar, Moha Sollehudin Shuib, & Mohd Kamal Azman Jusoh. (2014). Penggunaan Kaedah BOT Dalam Usaha Membangunkan Harta wakaf Majoodsaw Pulau Pinang. Dalam *The Asean Islamic Endowment Seminar*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Ihsan, H.; Mohamed Ibrahim, S. H. (2011) *Waqf accounting and management in Indonesian Waqf Institution. Humanaomics*. 27(4), 252-269.
- Isamail, M. Z., Ahmad, K., Md Ariffin, M. F., & Rosele, M. I. (2013). Pemerksaan Wakaf Di Malaysia: Satu Sorotan. In *5th Islamic Economics System Conference (iECONS 2013)*, “Sustainable Development Through The Islamic Economics System” (pp. 4–5).
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (2014). Carta Organisasi. Dicapai pada Disember 20, 2014, http://www.jawhar.gov.my/index.php/ms/profil_jabatan/cartaorganisasi
- Jurnal JAWHAR, Manual Pengurusan *Istibdal* Wakaf, (Kuala Lumpur, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) 2010), h.12
- Latiff Azha, Sayin Baharuddin, Sayurno, S. S Salahuddin, Mohd Rani Afandi, & Hamid Afifah H. (2013). *The practice and management of waqf education in Malaysia. Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 90(InCULT 2012), 22-30. doi:10.1016/j.sbspro.2013.07.061
- Luqman Haji Abdullah, *Istibdal* Harta Wakaf Dari Perspektif Mazhab Syafie (2010), *Journal of Fiqh No.7*, 2010, 71-82.
- Maznah Zakaria, Mohamat Sabri Hassan, Radziah Abdul Latiff (2014). Pelaporan Wakaf di Malaysia. Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke-9 2014. ISSN2231-962X
- Megat Mohd Ghazali Megat Abd. Rahman, Asiah Othman, Hussin Salamon, NasrulHisyam Nor Muhamad, Adibah Muhtardan Akmaliza Abdullah (2006). *Pembangunan Harta wakaf- Isu, Prospek dan Strategi*
- Mohamad Zaim Isamail, Muhammad Ikhlas Rosele dan Mohd Anuar Ramli (2015). *Pemerksaan Wakaf di Malaysia: Satu Sorotan. Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, Vol.9, 2015, pp.1-13

- Mohd Afandi Mat Rani (2015). Mekanisme *Istibdal* Dalam Pembangunan Harta wakaf di Terengganu. *Journal of Cotemporary Islamic Studies*. Volume 1 2015. ISSN2289-9634.
- Mohiddin Md Omar (2013).Isu Pentadbiran Harta wakaf dalam Konteks KTN 1965 dan Pejabat Hartadan Galian Negeri Sembilan. *Jurnal Pentadbiran Tanah*, 3(1), 2013, ms. 25-37
- Noor Aimi Mohd Puad, Nurauliani Jamlus Rafdi, Wan Shahdila Shah Shahar (2014). “*Issues and Challenges of Waqf Instrument: A Case Study in MAIS,*” *E proceedings Conf. Manag. Muamalah*, no. May, pp. 116–127, 2014, doi: 10.1007/s13398-014-0173-7.2
- Noor Inayah Yaakob. (2014). Mencorakkan Kejayaan Wakaf Pendidikan. *Utusan Malaysia*, 13 Jun.
- Osman Sabran (2002), *Pengurusan Harta Wakaf*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Ramli, A. H. & Sulaiman, K. (2006). *Pembangunan Harta Wakaf: Pengalaman Negara-Negara Islam. Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006*. Malaysia: Jabatan Perdana Menteri dan JAWHAR. pp. 3-10
- Rohayati Hussin, Rusnadewi Abdul Rashid (2015). Isu-Isu Berkaitan Harta wakafHalangan Kepada Pembangunan Institusi Wakaf Pendidikan Tinggi Di Malaysia. *Waqf Round Table Conference – IkaZ/ACIS-12 Februari 2015*
- S. Hisham, H. A. Jasiran, and K. Jusoff, “*Substitution of waqf properties (Istibdal) in Malaysia: Statutory provisions and implementations,*” *Middle East J. Sci. Res.*, vol. 13, no. SPLISSUE, pp. 23–27, 2013, doi:10.5829/idosi.mejsr.2013.13.187
- Sallehuddin Ishak. (2013). Kuasa Menghurai Model Goodchild Dan Munton (1986) Dan Van Assen (2009) Dalam Masalah Pembangunan Harta wakaf Di Malaysia
- Sayuti Ab Ghani, Mohd Hamran Mohamad, Hasan Al-Banna Mohamed, B. A. G. & C. Z. I. (2011). Amalan Pendaftaran Harta wakaf: Satu Kajian Kes Di Bawah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) di Malaysia. Dalam *International Conference 2011: Future Education in Global Challenges (ICETA 3)*.
- Siti Arifah dan Wan Ibrisam Fikry (2017). Kajian Kes Pengambilan Harta wakaf di Kedah: Cadangan Penambahbaikan. *Jurnal Fikiran Masyarakat*. Vol. 5, No. 1, 2017. ISSN No. 2338-512X

- Siti Mashitoh Mahmood (2017). Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 (Enakmen 15): Suatu Ulasan Menurut Perspektif Syariah dan Undang-Undang. 29 Kanun
- Siti Mashitoh Mahmood (2009). Pengurusan dan Pentadbiran Harta wakaf di Negeri Kelantan.
- Suhendi, H. H. (2010). Fiqh Muamalah. Cet. 5. Jakarta: Rajawali Pers. Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (Jawhar) (2010). Manual Pengurusan *Istibdal* Wakaf. Jabatan Perdana Menteri (JPM).
- Sulaiman, S. (2008). Hukum Pembangunan Harta wakaf Khas Menurut Perspektif Syarak, Jurnal Muamalat Bil 1, 45–64.
- Sulaiman, S. (2012). Isu Pembangunan Wakaf Menggunakan Struktur Amanah Pelaburan Harta Islam di Malaysia : Satu Tinjauan. Makalah 24 Kanun (2), 149–177.
- Syed Abdul Kader, S. Z. (2016). Kerangka Undang-undang Pengurusan Wakaf di Malaysia: Ke Arah Keseragaman Undang-undang. Kanun, 28(1), pp. 101-126
- Yayasan Wakaf Malaysia (2014). Latar Belakang. Dicapai pada Disember 15, 2014, dari <https://www.ywm.gov.my/profile/latar-belakang>
- Yayasan Wakaf Malaysia (2014). Objektif dan Fungsi. Dicapai pada Disember 15 2014, dari <https://www.ywm.gov.my/profile/objektif>.
- Zulkifli, H., dan Muhammad, N. A. (2008), “*The Investment of Waqf Land as a Instrument of Muslims’ Economic Development in Malaysia*”. Kertas kerja ini dibentangkan di Dubai International Conference on Endowments’ Investment, Dubai.